



e-Buletin JSKM

Edisi Khas Kemerdekaan 2025



Salam Kemerdekaan ke-68 & Selamat Hari Malaysia ke-62

Isi Kandungan

- 01 Jasa yang Tidak Ternilai
- 02 Kemerdekaan Kita, Kejayaan Mereka: Generasi Inspirasi di Pentas Dunia
- 06 68 Tahun Kemerdekaan, 100 Tahun Tun Dr. Mahathir: Menyusuri Jejak Jasa dan Pengorbanan
- 09 Erti Merdeka bagi Seorang Pensyarah
- 10 Merdeka di Hati Si Kecil
- 14 Kemerdekaan Malaysia dalam Era Kecerdasan Buatan: Antara Kedaulatan Digital dan Cabaran Abad ke-21
- 16 Sambutan Hari Merdeka di Era Digital: Tradisi dan Transformasi
- 18 31 Ogos: Tarikh, Cerita, dan Suara di Sebalik Kemerdekaan
- 20 Mercu Tanda Malaysia: Menara Merdeka 118
- 22 Bukan Sekadar Tanggal 31
- 24 Perkataan Merdeka, Sebutan Fonetik & Tarikh Kemerdekaan 31 Negara
- 25 Pesisir Bakti
- 29 My Cancer Journey: Perjalanan Hidup Seorang Pejuang
- 32 Tanah Airku Merdeka
- 33 Sajak Kemerdekaan Alaf Baru Madani 2025
- 34 Uji Tahap Pengetahuan Anda tentang Malaysia

Sidang Redaksi

Penasihat

Dr. Nor Hanim Abd Rahman

Ketua Editor

Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

Editor

Ts. Jamal Othman

Pn. Siti Mariam Saad

Pn. Zuraira Libasin

En. Ahmad Rashidi Azudin



Kata Alu-aluan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur, e-Buletin Kemerdekaan 2025 anjuran Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) berjaya diterbitkan bersempena sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia tahun ini. Penerbitan kali ini menjadi wadah untuk kita sama-sama mengenang jasa pejuang tanah air serta menghayati erti kebebasan yang telah kita kecapai selama lebih enam dekad.

Kemerdekaan bukan sekadar perayaan tahunan, tetapi suatu manifestasi semangat bersatu padu, hormat-menghormati, serta tekad untuk membina negara yang lebih maju dan bermaruah. Justeru, e-Buletin ini mengangkat pelbagai sumbangan, idea dan refleksi warga JSKM dalam menterjemahkan semangat merdeka ke dalam aspek ilmu, inovasi, serta pembangunan modal insan.

Akhir kata, setinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam penghasilan e-Buletin ini, para penulis, penyumbang artikel, serta ahli jawatankuasa editorial. Semoga usaha ini dapat menyemarakkan lagi rasa cinta kita terhadap tanah air tercinta, Malaysia.

Sekian, terima kasih

Dr. Siti Nurleena Abu Mansor
Ketua Editor
e-Buletin Kemerdekaan JSKM 2025



**MALAYSIA
MADANI**
Rakyat Disantuni

NOOR AZIZAH MAZENI, NUR AZIMAH IDRIS

JASA YANG TIDAK TERNILAI

Dato' Onn Jaafar merupakan tokoh yang sangat penting dalam lipatan sejarah Tanah Melayu. Beliau dilahirkan pada tahun 1895 di Johor Bahru dan membesar dalam suasana keluarga bangsawan Johor yang rapat dengan istana. Namun, walaupun beliau dilahirkan dalam kemewahan, beliau memilih untuk menumpukan perhatian kepada perjuangan bangsanya. Sejak muda lagi, Dato' Onn Jaafar terkenal sebagai seorang yang berani, lantang bersuara dan mempunyai semangat kebangsaan yang tinggi.

Salah satu jasa terbesar beliau adalah menggerakkan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union pada tahun 1946. Malayan Union, yang diperkenalkan oleh pihak British, dilihat mengancam kedudukan Raja-Raja Melayu serta hak istimewa orang Melayu. Pada ketika itu, ramai orang Melayu masih belum mempunyai kekuatan politik yang tersusun, tetapi Dato' Onn Jaafar tampil sebagai pemimpin yang berani. Beliau berjaya menyatukan pelbagai pertubuhan Melayu di seluruh tanah air, lalu menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Di bawah kepimpinannya, suara orang Melayu bergema dengan lebih kuat dan akhirnya British terpaksa menarik balik Malayan Union, digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.

Selain menentang penjajahan, Dato' Onn Jaafar juga dikenali sebagai seorang pemimpin yang berpandangan jauh. Beliau menginginkan orang Melayu maju dalam bidang pendidikan, ekonomi, dan politik agar dapat berdiri sama tinggi dengan bangsa lain. Beliau juga mencadangkan agar UMNO dibuka kepada semua kaum bagi membentuk perpaduan nasional yang lebih kukuh. Walaupun cadangan tersebut ditolak pada ketika itu, ideanya menjadi asas penting kepada pembentukan sebuah negara berbilang kaum yang kita kenali hari ini sebagai Malaysia.

Di samping itu, Dato' Onn Jaafar juga pernah berkhidmat sebagai Menteri Besar Johor dari tahun 1947 hingga 1950. Dalam pentadbiran negeri, beliau menekankan soal pembangunan masyarakat dan keadilan sosial. Kepimpinannya yang tegas tetapi berpandangan jauh menjadikan beliau disegani bukan sahaja oleh rakyat, bahkan juga oleh pihak penjajah. Walaupun Dato' Onn Jaafar tidak lagi berada dalam kepimpinan utama ketika kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, namun jasa dan sumbangannya tetap menjadi asas penting dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.

Sejarah akan sentiasa mengingati Dato' Onn Jaafar sebagai seorang tokoh nasionalis sejati yang berani bangkit mempertahankan maruah bangsa dan tanah air. Beliau adalah pencetus kesedaran politik orang Melayu dan penggerak utama kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu. Tanpa usaha dan keberanian beliau, mungkin perjalanan negara menuju kemerdekaan tidak akan semudah seperti yang kita dapat lihat hari ini.

Kemerdekaan Kita, Kejayaan Mereka:

Generasi Inspirasi di Pentas Dunia

Oleh: Norazah Umar

Saat jam berdetik ke angka 12 pada malam 31 Ogos 1957, laungan “Merdeka! Merdeka! Merdeka!” memecah sunyi. Ia bukan sekadar lafaz kebebasan, bukan juga sekadar sejarah untuk dikenang tetapi sumpah setia sebuah bangsa untuk membina tanah air yang merdeka.

Hari ini, selepas 68 tahun, amanah itu kini berada di bahu generasi pewaris, Anak Malaysia. Generasi pewaris ini perlu terus mempertahankan dan membawa negara ke tahap yang lebih tinggi.

Kita, Anak Malaysia, lahir di bumi yang kaya dengan warna-warni budaya, bahasa, dan warisan. Di sinilah kita belajar tentang erti perjuangan, menghargai keringat pejuang, dan menyulam impian untuk Malaysia yang lebih gemilang. Aspirasi Malaysia bukan sekadar angan, tetapi sebuah cita-cita yang harus digenggam erat, dijaga dan diteruskan.

Anak Malaysia hari ini berada di barisan hadapan dalam membentuk masa depan negara. Aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju, sejahtera, dan berdaya saing di persada dunia tidak mungkin tercapai tanpa peranan aktif generasi muda.



Generasi muda hari ini bukan lagi penonton sejarah; kita adalah pelakon utama. Dalam era globalisasi dan teknologi tanpa sempadan, mereka adalah agen perubahan yang membawa harapan baharu. Dengan semangat juang dan ilmu di tangan, anak muda telah membuktikan kemampuan mereka mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.

Contoh Ikon Harapan Malaysia



1. Khairul Amin Kamarulzaman

Lebih dikenali sebagai Khairul Aming, merupakan usahawan dan 'content creator' yang mempunyai jutaan pengikut di Instagram, TikTok, Twitter, dan YouTube. Beliau yang diiktiraf antara food content creator paling berpengaruh di Malaysia (Anugerah TikTok Malaysia 2023, Creator of The Year) ini mendapat pendidikan di **Universiti Vanderbilt, Amerika Syarikat** dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal. Produk keluarannya seperti sambal Nyet Berapi telah mencecah jutaan ringgit setiap tahun. Beliau berjaya membuktikan bahawa tiada latar belakang istimewa diperlukan untuk berjaya tetapi yang penting adalah kemahuan, inovasi, dan kerja keras

2. Lee Zii Jia

Lee Zii Jia, anak kelahiran Kedah yang merupakan pemain badminton profesional Malaysia, kini menduduki ranking ke-6 dunia dalam sukan badminton. Lee Zii Jia ialah yang terkenal sebagai pewaris legasi sukan negara selepas era Datuk Lee Chong Wei. Beliau mula mencuri perhatian apabila memenangi **All England Open 2021**, kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh beliau termasuk memenangi pingat gangsa di Sukan Olimpik Musim Panas 2024 telah mengangkat namanya ke peringkat antarabangsa. Lee Zii Jia sering menjadi sandaran Malaysia dalam kejohanan dunia. Keberaniannya meninggalkan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) untuk menjadi pemain profesional menunjukkan keyakinan dan tekadnya. Kisahnya menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk berani mengejar impian





3. Samuel Isaiah

Samuel Isaiah, guru Bahasa Inggeris di SK Runchang, Pahang, menjadi inspirasi melalui dedikasinya mengajar komuniti Orang Asli. Walaupun berhadapan dengan kekurangan kemudahan dan jurang bahasa, beliau memperkenalkan pembelajaran kreatif seperti Skype Classroom untuk berhubung dengan sukarelawan global, serta menggunakan muzik dan permainan bagi meningkatkan minat murid. Usaha gigih ini meningkatkan keyakinan dan kemahiran komunikasi pelajar. Pada 2020, beliau tersenarai sebagai **Top 10 Finalist Global Teacher Prize**, diiktiraf setaraf “Hadiah Nobel Pendidikan”. Seterusnya pada 2022 pula beliau telah menjadi penerima “Anugerah Harapan Merdeka”. Kisahnya membuktikan bahawa lokasi pedalaman bukan penghalang untuk mencipta impak pendidikan bertaraf dunia

4. Ong Yong Xun

Lebih dikenali sebagai Zero Ong, ialah pencipta aplikasi pendidikan JomStudy yang membantu pelajar Malaysia membuat ulang kaji SPM secara mudah dan interaktif. Berasal dari Sabah, beliau membangunkan aplikasi ini sendiri selepas tamat Tingkatan Enam, dengan tujuan menyediakan bahan pembelajaran berkualiti secara percuma. JomStudy kini mempunyai ratusan ribu muat turun dan digunakan secara meluas oleh pelajar di seluruh negara. Kejayaannya mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila beliau tersenarai dalam **Forbes 30 Under 30 Asia 2021**. Kisah Zero Ong membuktikan bahawa inovasi teknologi oleh anak muda mampu memberi impak besar kepada pendidikan negara.




Aspirasi Malaysia untuk Masa Depan

Pastinya bukan empat tetapi ramai lagi anak muda yang telah dan bakal menjadi aspirasi Malaysia, sebuah negara yang inklusif, berdaya tahan, dan progresif. Mereka perlu diperkasa dengan ilmu, nilai moral, dan semangat patriotisme untuk menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim, ekonomi digital, dan ketidaktentuan geopolitik. Dalam kepelbagaian kaum, budaya, dan agama, terletak kekuatan Malaysia yang unik.

Merdeka bukan hanya tentang mengibarkan Jalur Gemilang atau menyanyikan lagu patriotik. Ia tentang jiwa yang merdeka bebas daripada sifat mementingkan diri, bebas daripada perpecahan, dan berani mendepani cabaran zaman. Merdeka memberi kita pilihan: menjadi penonton atau pelakon utama dalam mencorakkan masa depan. Generasi muda hari ini harus sedar bahawa mereka bukan hanya pewaris, tetapi pemimpin aspirasi negara. Anak Malaysia, harus menjadi tonggak yang membawa aspirasi negara ke arah kemajuan. Setiap langkah kecil kita dalam apa juga bahagian adalah sumbangan besar untuk Malaysia. Dengan keberanian, ilmu, dan nilai murni, mereka mampu membawa Malaysia melangkah ke hadapan.

“Dalam kepelbagaian kita, ada kekuatan. Dalam semangat kita, ada masa depan. Jika bukan kita yang menggapai bintang untuk Malaysia, siapa lagi? Jika bukan sekarang, bila lagi?”





Oleh: AZHAR AHMAD

68 Tahun Kemerdekaan,

100 Tahun Tun Dr. Mahathir: Menyusuri Jejak Jasa dan Pengorbanan

Latar awal dan perjuangan kemerdekaan

Tun Dr Mahathir Mohamad dilahirkan pada 10 Julai 1925 di Lorong Kilang Ais, Alor Setar, Kedah. Semasa belajar perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII, beliau menyertai kempen Anti-Malayan Union pada 1945 dan menyertai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada 1946. Penyertaan ini lahir daripada kesedaran bahawa Perjanjian Malayan Union memberi terlalu banyak hak kepada penjajah dan imigran sementara melemahkan kedudukan politik Melayu. Penglibatannya dalam gerakan ini dianggap oleh ramai sejarawan sebagai antara detik penting yang "menyelamatkan Tanah Melayu". Beliau dikenali sebagai pendokong hak Melayu sejak awal dan, setelah menerima ijazah perubatan pada 1953, berkhidmat sebagai doktor kerajaan sebelum membuka klinik sendiri.

Perdana Menteri ke-4 dan era pemodenan

Mahathir memasuki politik arus perdana pada 1964 sebagai ahli parlimen dan dilantik menjadi Perdana Menteri ke-4 pada 16 Julai 1981. Beliau memerintah sehingga 2003, menjadikan beliau perdana menteri paling lama berkhidmat di Malaysia. Di bawah kepimpinannya, negara berubah daripada ekonomi agraria kepada sebuah negara industri moden. Beliau melancarkan Dasar Pandang ke Timur dan Wawasan 2020, dengan tujuan menjadikan Malaysia sebuah negara maju melalui perpaduan nasional, keadilan ekonomi dan kemajuan sains. Mahathir menekankan peranan pendidikan dan meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi bagi pelajar Melayu. Beliau memajukan industri automotif nasional dengan penubuhan Proton Saga dan mempelopori projek mega seperti Lebuh raya Utara Selatan, Menara Berkembar Petronas, Putrajaya serta Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Inisiatif inisiatif ini memberi asas fizikal dan psikologi kepada rakyat untuk menghayati semangat "Malaysia Boleh" yang dilihat sebagai memperkukuh jati diri bangsa.

Ketabahan menghadapi krisis

Mahathir berhadapan dengan Krisis Kewangan Asia 1997-1998. Beliau memilih pendekatan tidak ortodoks seperti kawalan mata wang dan menolak pelan pemulihan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF). Tindakan ini membantu memulihkan kestabilan ekonomi dan mengukuhkan reputasi beliau sebagai pemimpin tegas yang berani mencabar tekanan antarabangsa. Ketika itu, media tempatan menggambarkan beliau sebagai seorang pemimpin pragmatik dan berani. Selain itu, Mahathir terus mempromosikan nilai-nilai berpandangan jauh melalui penerbitan buku dan penyertaan dalam wacana awam walaupun selepas bersara; beliau dilihat sebagai model disiplin dan kecergasan minda walaupun berusia lanjut.



Wawasan 2020 dan pembinaan identiti bangsa

Wawasan 2020 dilancarkan pada 1991 sebagai agenda jangka panjang untuk menjadikan Malaysia negara maju pada tahun 2020. Wawasan ini bukan sekadar mengejar pendapatan tinggi, tetapi menekankan perpaduan nasional, masyarakat demokratik, keadilan ekonomi dan budaya sains. Walaupun matlamat asal tidak tercapai sepenuhnya menjelang 2020, ia menjadi rangka kerja yang mempengaruhi dasar kerajaan berturut-turut. Mahathir turut menanam semangat



"Malaysia Boleh" yang membina keyakinan rakyat untuk bersaing di peringkat global.


Penggal kedua dan usia emas

Pada 2018, Mahathir kembali memegang jawatan perdana menteri pada usia 92 tahun, menjadikannya ketua kerajaan tertua di dunia ketika itu. Pengembaliannya bertujuan menangani isu rasuah dan menyiasat skandal IMDB; ia juga menunjukkan komitmen beliau terhadap tadbir urus yang baik. Walaupun kerajaan Pakatan Harapan hanya bertahan sehingga 2020, tindakan ini membuktikan bahawa beliau masih relevan dalam arus politik dan sanggup menentang kemapanan demi reformasi.

Pada 10 Julai 2025, Mahathir mencapai usia 100 tahun. Malaysia menggambarkan hari tersebut sebagai satu peristiwa bersejarah di mana negarawan yang pernah memimpin Malaysia selama lebih dua dekad meraikan ulang tahun ke-100. Mahathir dikenali sebagai "arkitek Malaysia moden" dengan dua penggal sebagai perdana menteri (1981-2003, 2018-2020) yang dicirikan oleh transformasi ekonomi, pembangunan infrastruktur dan reputasi antarabangsa. Laporan media menyebut bahawa walaupun berusia 100 tahun, beliau masih aktif menulis buku, menyertai perbincangan awam dan mengekalkan kehadiran di media sosial, menyebabkan beliau sering dijadikan contoh disiplin dan ketajaman minda.

Meletakkan kemerdekaan dalam perspektif

Sumbangan Mahathir kepada Malaysia tidak boleh dipisahkan daripada makna kemerdekaan. Beliau menyertai gerakan Anti-Malayan Union yang menjadi asas penentangan terhadap penjajahan, menegakkan identiti bangsa dan hak istimewa orang Melayu. Sebagai perdana menteri, beliau memperkukuh kedaulatan negara melalui dasar luar bebas serta menolak campur tangan asing. Sewaktu Krisis Kewangan Asia, keberaniannya menolak IMF menunjukkan tekad mempertahankan kemerdekaan ekonomi.



Di peringkat domestik, dasar-dasar beliau daripada *affirmative action* yang memberi ruang kepada bumiputera ke dunia pendidikan dan perniagaan, kepada projek mega yang mengangkat maruah negara telah membantu membina identiti pasca-merdeka yang moden dan yakin diri. Walaupun terdapat kritikan terhadap gaya kepimpinan yang autoritarian, sumbangan beliau dalam meletakkan asas pembangunan negara diakui oleh pelbagai pihak. Media menegaskan bahawa sedikit pihak yang mempertikaikan sumbangan beliau, khususnya ketika beliau memilih pendekatan ekonomi berdikari semasa krisis kewangan.

Penutup

Sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini bertepatan dengan ulang tahun kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad yang ke-100 satu peristiwa jarang berlaku bagi seorang pemimpin negara. Legasi beliau terpaten dalam institusi, infrastruktur dan imaginasi kebangsaan: lebuh raya yang merentasi semenanjung, menara berkembar yang menjadi mercu tanda, universiti dan hospital yang melahirkan generasi cendekiawan, serta dasar yang membentuk keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan keadilan sosial. Mahathir bukan sahaja saksi kepada sejarah Malaysia; beliau juga salah seorang arkiteknya. Sempena kemerdekaan ke-68 dan usia beliau yang sudah 100 tahun, rakyat wajar mengenang sumbangan beliau dengan mengambil teladan daripada visi, keberanian dan kesungguhan yang telah mengangkat Malaysia ke persada dunia.

Sumber:

1. MalaysiaNow – “Dr Mahathir turns 100: A century of vision and leadership”
<https://www.malaysianow.com/opinion/2025/07/10/dr-mahathir-turns-100-a-century-of-vision-and-leadership>
2. The Vibes – “A century of Mahathir: A Malaysian titan turns 100”
<https://www.thevibes.com/articles/opinion/110353/a-century-of-mahathir-a-malaysian-titan-turns-100>
3. The Vibes – “Tun Mahathir marks 100 years: century of service, modernisation and resolve”
<https://www.thevibes.com/articles/news/110317/tun-mahathir-marks-100-years-century-of-service-modernisation-and-resolve>
4. Wikipedia – “Mahathir Mohamad” (biografi penuh dan latar sejarah politiknya)
https://en.wikipedia.org/wiki/Mahathir_Mohamad

Erti Merdeka bagi Seorang Pensyarah

Nur Azimah Idris & Zuraira Libasin



Bagi diri ini, merdeka bukan hanya tentang bebas dari penjajahan fizikal. Sebagai pensyarah, sejujurnya, **kemerdekaan sebenar bermula dalam bilik kuliah** apabila kita berjaya menyampaikan ilmu yang bukan sahaja memberi pengetahuan, malah membebaskan cara berfikir.

“*Tugas pendidik adalah menyemai benih merdeka dalam jiwa anak bangsa.*”

Kita bukan sekadar menyampaikan fakta dan teori, tetapi mengasah minda supaya pelajar berani bertanya, berfikir secara kritis dan berpendirian. Dalam dunia di mana maklumat di hujung jari dan semakin banyak platform media sosial, tugas ini bukan mudah. Namun, di sinilah letaknya nilai kemerdekaan sebenar dalam profesion ini.

Para pelajar datang dari pelbagai latar belakang dan di sinilah mereka mula membina identiti diri, sekali gus memahami peranan mereka sebagai warganegara, bukan sekadar pelajar. Maka **kelas bukan hanya tempat belajar**, tetapi medan untuk kita membina masa depan negara.

Merdeka dalam pendidikan bermakna memberi pelajar ruang untuk bersuara, untuk tidak takut membuat kesalahan, dan untuk mencari kebenaran dengan penuh adab. Di sinilah dapat dilihat bahawa tugas pensyarah bukan hanya mendidik, tetapi juga menyemai potensi pelajar.

Generasi pensyarah dan pelajar kini lahir dalam dunia pasca-merdeka. Para pelajar tidak mengalami getirnya dijajah, tidak memahami susah payah tokoh terdahulu. Maka tugas kita bukan untuk memaksa mereka menghafal sejarah,

Bulan Ogos sentiasa membawa getar rasa yang sukar digambarkan. Lagu patriotik sering berkumandang, Jalur Gemilang mula berkibar megah, dan laungan “**Merdeka!**” kembali bergema. Sebagai seorang pensyarah, setiap kali tibanya tarikh 31 Ogos, sering timbul pertanyaan kepada diri sendiri: apakah erti kemerdekaan dalam dunia pendidikan yang dilalui saban hari?

tetapi menghidupkan nilai kemerdekaan dalam cara mereka berfikir dan bertindak.

Persoalannya: **Adakah kita sendiri sebagai pendidik sudah benar-benar merdeka dalam pendekatan dan pemikiran kita?** Adakah kita sekadar ulang tayang sistem lama, atau berani mencuba pendekatan baharu yang lebih membina?

Pensyarah ialah ejen kemerdekaan moden. Dalam kelas, kita semai semangat kepimpinan. Dalam penyelidikan, kita asah daya inovasi. Dalam bimbingan, kita bentuk karakter. Semuanya menyumbang kepada pembinaan sebuah bangsa yang tidak hanya berdaulat di atas kertas, tetapi juga bermaruah dalam tindakan.

Kini kita tidak perlu berdiri di medan tempur seperti wira dahulu, tetapi kita bertanggungjawab untuk **mempertahankan maruah ilmu, integriti, dan nilai.** Itulah erti kemerdekaan yang paling mendalam buat seorang pensyarah.

Merdeka bukan sekadar sambutan tahunan namun ia selayaknya hidup dalam setiap kelas yang diajar, dalam setiap pelajar yang dibimbing, dan dalam setiap kata yang ditulis. Ia adalah **amanah** untuk memastikan generasi seterusnya bukan sekadar tahu mereka merdeka, tetapi benar-benar hidup sebagai insan yang merdeka.

Semoga Hari Kebangsaan tahun ini bukan sekadar sambutan tetapi menjadi titik mula untuk kita semua merenung kembali peranan kita sebagai pendidik, sebagai rakyat, dan sebagai pewaris sebuah kemerdekaan yang telah dibayar dengan harga yang sangat mahal.

MERDEKA di hati SI KECIL

Setiap kali bulan Ogos menjelang, kita akan mula melihat bendera Malaysia megah berkibar di mana-mana.

Lagu-lagu patriotik kembali berkumandang, perarakan dan program sambutan mula dirancang. Namun dalam kemeriahan itu, timbul satu persoalan, adakah anak-anak kita benar-benar faham apa itu kemerdekaan?

Sebagai ibu dan ayah, kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada sekolah atau media untuk menyampaikan nilai ini. Kita harus ingat, rumah adalah sekolah pertama, dan ibu dan ayah adalah guru terpenting dalam kehidupan anak-anak.

Anak Kecil Tak Faham Sejarah, Tapi Mereka Belajar dari Kita

Anak-anak kecil sememangnya belum mampu memahami maksud penjajahan, perjuangan tokoh negara, atau istilah "kedaulatan". Namun mereka menyerap nilai dan semangat melalui pengalaman harian, perbualan ringkas, dan tingkah laku ibu dan ayah.

Di sinilah cinta kepada negara mula disemai, atau dibiarkan layu tanpa disedari.





Mereka belajar bukan hanya melalui apa yang kita kata, tetapi daripada apa yang kita buat dan tunjuk. Jika kita tunjuk minat dan rasa bangga kepada negara, anak-anak akan terikut. Jika kita cerita kisah Malaysia dengan penuh semangat, mereka akan dengar dengan penuh minat. Jika kita bawa mereka menyertai sambutan Merdeka, mereka akan mula rasa sambutan kemerdekaan juga penting buat mereka.

Apa Yang Kita Boleh Buat di Rumah?

Tanpa perlu menunggu acara rasmi atau sambutan besar-besaran, kita boleh menanam semangat patriotik secara santai, menyeronokkan dan bermakna di rumah. Berikut beberapa cara praktikal yang boleh ibu dan ayah lakukan:

Cerita Sebelum Tidur Bertemakan Negara

Biasanya kita bacakan kisah puteri raja atau pengembaraan haiwan. Kali ini, gantikan dengan cerita rakyat Malaysia, sejarah Merdeka, atau kisah tokoh-tokoh negara seperti Tunku Abdul Rahman, Tok Janggut, atau Leftenan Adnan. Gunakan gaya penceritaan yang mudah dan menarik.

Contohnya:

"Dulu, kita tak boleh jalankan negara sendiri. Orang lain yang buat undang-undang. Tapi ada seorang pemimpin hebat, namanya Tunku. Dia berani berdiri depan ribuan orang dan laungkan 'Merdeka!...'"

Anak mungkin belum faham semua, tapi percayalah, cerita yang berulang akan kekal dalam ingatan mereka.

Projek DIY Jalur Gemilang dan Hiasan Rumah

Libatkan anak-anak dalam aktiviti kraf seperti:

- Mewarna bendera Malaysia
- Membuat kad ucapan "Selamat Hari Merdeka"
- Menghias sudut rumah dengan tema kebangsaan
- Gantung Jalur Gemilang bersama di tingkap atau pagar

Apabila anak terlibat secara aktif, mereka bukan saja belajar tentang simbol negara, tapi juga membina kenangan positif dengan nilai patriotisme.

Lagu Patriotik Jadi Lagu Mainan Harian

Pasang lagu-lagu patriotik di rumah atau dalam kereta dan nyanyi bersama-sama. Lagu seperti "Saya Anak Malaysia", "Kernamu Malaysia", atau "Negaraku" sebenarnya sangat mudah ditangkap oleh telinga anak-anak kecil. Jadikan ia aktiviti harian sambil lipat baju, memasak, atau bersantai bersama.

Galakkan mereka hafal lirik dan terangkan maksudnya secara perlahan-lahan. Mungkin hari ini mereka hanya ikut menyanyi, tapi esok lusa mereka akan tanya, "Apa maksud 'berkorban untuk negara' tu, ummi?"

Sembang Kasual Masa Makan atau Dalam Kereta



Gunakan waktu santai seperti waktu makan malam atau semasa dalam perjalanan untuk ajak anak-anak berbual:

- “Apa yang kakak suka tentang Malaysia?”
- “Kalau Malaysia ni boleh bercakap, apa agaknya dia nak ucap pada kita?”
- “Kalau abang jadi pemimpin, apa yang abang nak ubah?”

Soalan begini bukan hanya merangsang pemikiran kritis, tapi juga membuat mereka berasa penting dan dihargai. Anak kecil yang rasa suara mereka didengar akan membesar sebagai warganegara yang berani bersuara dan peduli.

Tunjuk Teladan yang Baik, Bukan Sekadar Berceramah



Anak belajar lebih banyak daripada apa yang kita buat, bukan sekadar apa yang kita cakap. Kalau kita buang sampah dengan tertib, hormati jiran yang berbeza bangsa, bercakap baik tentang negara, dan ikut undang-undang kecil seperti memandu dengan berhemah, itu semua adalah bentuk ajaran patriotik yang sangat kuat.

Sebaliknya, kalau anak lihat kita mencaci negara, mempersenda pemimpin atau tidak menghargai bendera, mereka juga akan memandang remeh terhadap erti kemerdekaan.

Aktiviti Merdeka di Rumah

Berikut adalah senarai semak aktiviti kemerdekaan yang boleh dilakukan oleh ibu dan ayah bersama-sama anak-anak kecil.

Senarai semak aktiviti merdeka di rumah

✓	Aktiviti	Catatan Ringkas
✓	Mewarna Jalur Gemilang	Cetak atau lukis bendera untuk anak warnakan
✓	Buat bendera kecil & hias rumah	Guna kertas warna dan lidi/straw untuk tiangnya
✓	Tonton video Hari Merdeka	Pilih animasi mudah seperti Upin & Ipin tentang kemerdekaan
✓	Cerita tokoh kemerdekaan sebelum tidur	Cerita kisah Tunku Abdul Rahman atau pahlawan lain
✓	Nyanyi lagu patriotik bersama	Contoh: “Saya Anak Malaysia”, “Tanggal 31”, “Negaraku”
✓	Projek kolaj “Saya Sayang Malaysia”	Gunting gambar dari majalah atau lukis perkara yang disukai
✓	Main teka-teki Merdeka	Cth: “Apa warna bendera kita?”, “Apa bunga kebangsaan kita?”
✓	Buat kad ucapan Merdeka	Anak reka kad ringkas untuk cikgu, rakan atau keluarga
✓	Sembang Merdeka masa makan	Tanya soalan mudah: “Apa yang kamu suka tentang negara kita?”
✓	Perarakan mini di rumah	Pakai baju tradisional & kibarkan bendera sambil main lagu
✓	Masak makanan tradisi bersama anak	Contoh: nasi lemak, kuih melayu sambil cerita asalnya
✓	Lukis poster Hari Kebangsaan	Anak reka poster bertemakan “Saya Anak Malaysia”
✓	Cipta lagu ringkas tentang Malaysia	Anak cipta lirik mudah dan nyanyi bersama



Merdeka Adalah Gaya Hidup, Bukan Sekadar Sambutan

Menyambut Hari Kebangsaan bukan hanya untuk sehari atau seminggu. Ia adalah peringatan tentang siapa kita, dari mana kita datang, dan ke mana kita mahu menuju. Ibu ayah yang menjadikan nilai kemerdekaan sebagai sebahagian daripada gaya hidup seharian akan membentuk anak-anak yang lebih berjiwa, lebih memahami dan lebih bertanggungjawab terhadap masa depan negara.

Didikan Bermula di Rumah

Sebagai kesimpulannya, anak kecil hari ini adalah pemimpin masa depan. Mereka tidak akan faham semuanya hari ini, tapi jika kita tanam benih semangat dan cinta negara sejak awal, satu hari nanti benih itu akan tumbuh menjadi pohon yang kuat. Seperti segala perkara lain yang penting dalam hidup, semuanya bermula di rumah, dengan ibu dan ayah yang peduli dan percaya bahawa semangat merdeka bukan diwarisi, tapi dibentuk.

*Salam Kemerdekaan yang ke-68,
Malaysia ku Tercinta*



KEMERDEKAAN MALAYSIA DALAM ERA KECERDASAN BUATAN: ANTARA KEDAULATAN DIGITAL DAN CABARAN ABAD KE-21

Zuraira Libasin & Nor Hanim Abd Rahman

Sejak tanggal keramat 31 Ogos 1957, terlakarlah sejarah sebuah negara berdaulat bergelar 'Malaysia', sebuah negara progresif dan multi-bangsa yang merdeka daripada cengkaman kolonial British. Perjuangan generasi terdahulu telah membuka jalan kepada kemajuan dalam pelbagai aspek pembangunan negara termasuk ekonomi, pendidikan, dan perpaduan sosial. Namun, kemerdekaan bukanlah noktah akhir, tetapi satu permulaan baharu yang perlu dimaknai semula dari semasa ke semasa, seiring dengan peredaran zaman dan cabaran global.

Kini, selepas lebih enam dekad merdeka, bentuk perjuangan dan cabaran negara semakin berubah. Dunia kini memasuki fasa baharu yang digerakkan oleh revolusi teknologi digital, khususnya kemajuan pesat dalam bidang Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence atau AI). Dalam konteks ini, persoalan yang timbul ialah: apakah erti kemerdekaan pada era pascakolonial yang ditentukan oleh aliran data, algoritma dan automasi?

Di dalam era modernisasi yang baru ni, era AI bukan sekadar memperkenalkan mesin pintar atau robot canggih, malah melibatkan anjakan paradigma terhadap cara manusia hidup, bekerja, berfikir dan berinteraksi dalam ruang maya dan fizikal. AI kini meresap ke dalam struktur negara: dari bilik darjah hingga sistem pertahanan, dari kilang perindustrian hingga pentadbiran:



Namun, di sebalik peluang tersebut, Malaysia berdepan risiko "penjajahan digital"—satu bentuk dominasi baharu yang tidak bersifat ketenteraan, tetapi melalui kebergantungan teknologi luar, ketirisan data nasional dan jurang literasi digital rakyat (Zainuddin & Nor, 2022). Jika kemerdekaan dahulu menuntut kebebasan politik, maka zaman kini menuntut kebebasan kognitif, teknologi dan informasi.

Sektor	Peranan AI
Pendidikan	AI membantu memperibadikan pembelajaran pelajar, menyediakan bahan pembelajaran pintar dan akses tanpa sempadan (Hussain & Shahrudin, 2020).
Keselamatan	Kamera pintar, analisis data dan pengawasan berasaskan AI mempertingkatkan keselamatan awam (Zainuddin & Nor, 2022).
Ekonomi	Industri 4.0 dan automasi telah mewujudkan peluang pekerjaan baharu, tetapi juga menuntut kemahiran tinggi dan anjakan minda (MOSTI, 2023).
Pentadbiran	Sistem e-Kerajaan menggunakan AI untuk perkhidmatan yang lebih cekap dan telus (Department of Statistics Malaysia, 2023).

Kemerdekaan hari ini perlu ditafsirkan semula dalam kerangka dominasi kuasa digital dan hak sendiri teknologi. Antara pendekatan strategik yang wajar diterapkan adalah:

1. **Kedaulatan Digital:** Negara harus menggalakkan pembangunan teknologi tempatan, termasuk penyelidikan AI, sistem operasi, dan penyimpanan data berdaulat (Zainuddin & Nor, 2022).
2. **Literasi AI:** Nasional Rakyat dari pelbagai latar belakang perlu diberi akses kepada pendidikan berkaitan AI agar celik terhadap peluang dan risiko penggunaannya (UNESCO, 2021).
3. **Pemeliharaan Warisan Budaya:** Teknologi tidak seharusnya menggantikan identiti budaya. Sebaliknya, AI boleh menjadi alat untuk memelihara dan mempromosi bahasa kebangsaan, seni tradisional dan sejarah negara kepada dunia (Yusof, 2018).
4. **Keadilan Sosial Teknologi:** Pembangunan teknologi perlu saksama, termasuk liputan internet berkualiti di luar bandar dan akses peranti pintar yang mampu milik bagi golongan B40 (Department of Statistics Malaysia, 2023).

Kemerdekaan bukanlah satu peristiwa statik tetapi suatu proses dinamik yang sentiasa perlu dikemas kini. Jika dahulu para pejuang kemerdekaan berjuang dengan darah dan air mata menentang penjajah, generasi kini pula berhadapan dengan cabaran bentuk baharu: pengaruh digital, manipulasi maklumat dan ketidaksamarataan teknologi.

Hari Kebangsaan bukan sekadar untuk mengenang sejarah, tetapi momen untuk merancang masa hadapan. Dalam dunia yang digerakkan AI, menjadi merdeka bermaksud berupaya mencipta, mengawal, dan menentukan hala tuju negara dengan teknologi kita sendiri, berasaskan nilai dan aspirasi tempatan. Negara mesti kekal berdaulat bukan sahaja di darat dan lautan, tetapi juga di angkasa maya.

Kesimpulan

Kemerdekaan dalam era AI bukan sahaja memerlukan pemikiran kritikal, namun perlu mempunyai daya berinovasi, beretika dan kepimpinan berwawasan. Malaysia tidak boleh sekadar menjadi pengguna, tetapi mesti menjadi pencipta dan pemimpin dalam ekonomi digital global. Inilah cabaran dan peluang besar bagi generasi kini.

*Selamat menyambut Hari Kemerdekaan ke-68, Malaysia!
Semoga menuju kemerdekaan digital yang lebih bererti. Aamiin.*

Rujukan:
Department of Statistics Malaysia. (2023). Malaysia MADANI: A Policy Framework. <https://www.dosm.gov.my/>

Hussain, M. N., & Shahrudin, S. (2020). Transformasi Pendidikan Malaysia melalui Pembelajaran Digital. Jurnal Pendidikan Malaysia, 45(3), 11–22.

Ministry of Communications and Digital Malaysia. (2025). Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025: Malaysia MADANI – Rakyat Disantuni. <https://www.kkd.gov.my/>

MOSTI. (2023). National Artificial Intelligence Roadmap 2021–2025. <https://www.mosti.gov.my/>

UNESCO. (2021). Artificial Intelligence and the Future of Learning: Towards Education for All. <https://unesdoc.unesco.org/>

Yusof, N. H. (2018). Kemerdekaan dan Pembangunan Negara: Analisis dari Perspektif Sejarah. Jurnal Sejarah Malaysia, 36(1), 21–35.

Zainuddin, N., & Nor, M. Y. (2022). Digital Sovereignty in the Context of National Security: Malaysia's Strategic Direction. Journal of Policy & Governance, 18(2), 45–59.



Oleh: Syarul Heiry bin Yahaya

Sambutan Hari Merdeka di Era Digital: Tradisi & Transformasi

Hari Kemerdekaan Malaysia, disambut setiap 31 Ogos, bukan sekadar memperingati detik bersejarah pengisytiharan kemerdekaan pada tahun 1957, tetapi juga mencerminkan perjalanan negara dalam mengekalkan kedaulatan, perpaduan, dan identiti nasional. Seiring dengan perubahan zaman, sambutan hari merdeka turut mengalami transformasi yang mencerminkan adaptasi masyarakat terhadap perkembangan teknologi dan keperluan semasa. Sambutan kemerdekaan di Malaysia telah mengalami perubahan ketara sejak 1957, dari perarakan fizikal di Dataran Merdeka kepada pelbagai bentuk sambutan digital.

"Peralihan ini mencerminkan adaptasi masyarakat terhadap kemajuan teknologi dan keperluan semasa."

Secara tradisinya, di Malaysia sambutan kemerdekaan disambut dengan elemen tradisional seperti perarakan, nyanyian lagu patriotik, dan pengibaran bendera Malaysia iaitu Jalur Gemilang masih dikekalkan. Begitu juga dengan permulaan upacara rasmi seperti bacaan Rukun Negara dan laungan "Merdeka!" tetap menjadi keutamaan dalam sambutan kemerdekaan. Walau bagaimanapun, acara sambutan kemerdekaan kini kian berubah atau berevolusi mengikut peredaran zaman. Perubahan atau transformasi sambutan hari kemerdekaan ini dapat kita ringkaskan seperti berikut:

Tahun	Tradisi dan Transformasi
1957–1970: Era Awal Kemerdekaan	• Pengisytiharan Kemerdekaan: Pada 31 Ogos 1957, lebih 20,000 rakyat berkumpul di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, untuk menyaksikan Tunku Abdul Rahman membaca Proklamasi Kemerdekaan dan melaungkan "Merdeka!" sebanyak tujuh kali. • Perarakan Tradisional: Sambutan awal menampilkan perarakan tentera, persembahan budaya, dan pengibaran Jalur Gemilang di Dataran Merdeka.
1970–1990: Penekanan terhadap Perpaduan Nasional	• Pengenalan Rukun Negara: Pada 31 Ogos 1970, Rukun Negara diisytiharkan sebagai asas perpaduan dan identiti nasional. • Sambutan di Pelbagai Lokasi: Sambutan Hari Merdeka mula diadakan di pelbagai negeri, termasuk Malacca (1985) dan Johor Bahru (1988), bagi melibatkan seluruh rakyat Malaysia.
1990–2010: Era Globalisasi dan Teknologi	• Sambutan di Sabah dan Sarawak: Pada tahun 1993 dan 1996, sambutan peringkat kebangsaan diadakan di Kuching dan Kota Kinabalu, menandakan penglibatan aktif Sabah dan Sarawak dalam perayaan nasional. • Pengenalan Tema Tahunan: Setiap tahun, tema sambutan diperkenalkan untuk mencerminkan aspirasi dan nilai semasa negara.
2010–2020: Peralihan ke Platform Digital	• Sambutan Maya: Akibat pandemik COVID-19, sambutan fizikal dibatalkan pada tahun 2020 dan 2021, digantikan dengan siaran langsung dan aktiviti dalam talian. • Penggunaan Media Sosial: Platform seperti TikTok dan Instagram digunakan untuk menyebarkan mesej patriotik dan menggalakkan penyertaan rakyat.
2021–Kini: Integrasi Tradisi dan Digital	• Sambutan Hibrid: Sambutan kini menggabungkan elemen tradisional seperti perarakan dengan teknologi digital, termasuk penstriman langsung dan interaksi media sosial. • Kempen Digital: Inisiatif seperti "Cerita Malaysiaku" oleh Kementerian Komunikasi dan Digital memperkenalkan pendekatan baharu dalam menyemarakkan semangat patriotik.





Dalam transformasi sambutan hari kemerdekaan ini dengan penggunaan platform digital iaitu media sosial dapat menyemarakkan lagi semangat patriotik di kalangan rakyat Malaysia, terutamanya generasi muda. Ini menunjukkan media sosial memainkan peranan penting dalam menjalankan fungsi sebagai medium untuk memupuk semangat cinta akan negara. Platform seperti Facebook, TikTok, Instagram, dan YouTube digunakan untuk memperluas kandungan berunsurkan patriotik seperti video pendek, ciptaan lagu, puisi, dan infografik yang berkaitan dengan sejarah negara dan nilai kebangsaan. Seperti contoh inisiatif yang dijalankan sebelum ini "Cerita Malaysiaku" oleh Kementerian Komunikasi dan Digital memperkenalkan pendekatan baharu dalam menyemarakkan semangat patriotik. Selain itu, institusi pendidikan juga dapat memanfaatkan media sosial untuk menarik minat dan menyuntik semangat patriotik

dalam diri generasi muda dengan menganjurkan aktiviti berkaitan kemerdekaan seperti menghasilkan video pendek bertemakan kemerdekaan, reka bentuk grafik Jalur Gemilang, atau ciptaan sajak dan puisi patriotik yang kemudiannya dapat dikongsikan kepada umum. Namun begitu, terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi dalam memastikan media sosial digunakan secara positif untuk memupuk semangat patriotik. Antaranya ialah penyebaran maklumat palsu atau tidak tepat mengenai sejarah dan isu-isu kenegaraan yang boleh mengelirukan masyarakat. Selain dari itu, terdapat juga kandungan media sosial yang boleh menghakis semangat patriotik, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang terdedah kepada pelbagai pengaruh luar. Oleh itu, adalah penting bagi pengguna untuk bijak menilai dan menyaring maklumat yang diterima dan memanfaatkan media sosial secara positif.

Untuk memastikan media sosial berperanan dalam menyemarakkan semangat patriotik, beberapa langkah boleh diambil:

- **Pendidikan Digital:** Meningkatkan literasi digital dalam kalangan masyarakat agar mereka dapat mengenal pasti dan menangkis maklumat palsu.
- **Kandungan Positif:** Menggalakkan penghasilan dan perkongsian kandungan yang membina, seperti kisah-kisah inspirasi tokoh negara dan pencapaian Malaysia di peringkat antarabangsa.
- **Kerjasama Strategik:** Pihak kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), dan sektor swasta boleh bekerjasama dalam menganjurkan kempen-kempen patriotik yang kreatif dan menarik dalam media sosial.

Kesimpulannya keseimbangan tradisi dan inovasi dalam sambutan Hari Merdeka adalah penting untuk memastikan warisan budaya terus hidup sambil memanfaatkan kemajuan teknologi. Evolusi sambutan Hari Merdeka Malaysia mencerminkan perjalanan negara dalam menyesuaikan diri dengan perubahan sosial dan teknologi. Walaupun medium sambutan berubah, semangat perpaduan, patriotisme, dan penghargaan terhadap sejarah kemerdekaan tetap utuh dalam jiwa rakyat Malaysia. Media sosial mempunyai potensi besar dalam menyemarakkan semangat patriotik jika digunakan dengan bijak dan bertanggungjawab. Ia bukan sahaja menjadi medium untuk menyebarkan maklumat tetapi juga platform untuk menyatukan rakyat Malaysia dalam semangat cinta akan negara. Tambahan pula dengan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat amat diperlukan untuk memastikan sambutan kemerdekaan yang menyeluruh dan bermakna dalam jati diri rakyat Malaysia. Selamat menyambut hari kemerdekaan yang ke – 68.

Sumber rujukan:

<https://www.kosmo.com.my/2023/09/04/luahan-pembaca-guna-media-sosial-suntik-semangat-patriotisme/>

<https://ecentral.my/sambutan-hari-kebangsaan-2024>

<https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/08/14/logo-dan-tema-hari-kebangsaan-dan-hari-malaysia-2024/>

<https://www.mod.gov.my/index.php/media2/berita/sambutan-hari-kebangsaan-2024>

<https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/02/29/semangat-patriotisme-penting-dalam-arus-dunia-globalisasi-masa-kini/>

31 OGOS

TARIKH, CERITA, DAN SUARA DI SEBALIK KEMERDEKAAN

Setiap kali kita menyebut 31 Ogos, bayangan laungan “Merdeka!” Merdeka!” Merdeka!” oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka pasti terlintas di fikiran. Namun, di sebalik tarikh keramat itu, tersimpan kisah yang jarang diceritakan, kenapa tarikh itu dipilih, bagaimana berita kemerdekaan tersebar ke seluruh dunia tanpa bantuan teknologi moden, dan bagaimana rakyat biasa merasai detiknya.

Mengapa 31 Ogos Dipilih

Tarikh ini bukan sekadar nombor yang tercatat dalam kalendar. Ia adalah hasil rundingan panjang antara wakil Tanah Melayu dan British. Salah satu sebab utama pemilihannya ialah ia jatuh pada hari Sabtu, membolehkan rakyat dari seluruh negeri berkumpul tanpa mengganggu urusan rasmi. Selain itu, ia memberi ruang yang cukup untuk menyiapkan Perlembagaan Persekutuan dan segala kelengkapan pentadbiran sebelum kuasa diserahkan sepenuhnya. Menariknya, British pada awalnya mencadangkan kemerdekaan dianjak ke tahun 1958, namun delegasi Tanah Melayu mendesak ia dipercepatkan ke tahun 1957 demi mengekalkan momentum perpaduan yang ketika itu sedang memuncak.



Berita Kemerdekaan Menyebar Tanpa Media Sosial



Bayangkan tahun 1957 di mana tiada aplikasi WhatsApp, tiada Facebook, tiada siaran langsung pun. Namun berita kemerdekaan Tanah Melayu sampai ke seluruh dunia dengan pantas. Radio Malaya menjadi medium utama, menyiarkan secara langsung pengisytiharan kemerdekaan dan bacaan ikrar oleh Tunku Abdul Rahman. Wartawan antarabangsa dari Reuters dan Associated Press pula menghantar laporan menggunakan telegraf. Di kampung-kampung, berita kemerdekaan disampaikan secara lisan oleh guru, imam, penghulu, dan peniaga yang baru pulang dari bandar. Mereka inilah “media sosial bergerak” ketika itu.

Gambar ikonik Tunku mengangkat tangan di Stadium Merdeka dirakam jurugambar tempatan dan antarabangsa, lalu diterbitkan di akhbar dunia seperti The Times di UK dan The Straits Times di Singapura. Filem Negara menghasilkan dokumentari khas yang dihantar menggunakan reel filem untuk tayangan di pawagam dan siaran TV luar negara.



Suara Rakyat di Stadium Merdeka

Jam baru pukul 8 pagi, tetapi Stadium Merdeka sudah penuh sesak dengan orang ramai yang bersemangat untuk menyambut pengisytiharan Merdeka. Ada yang datang menaiki bas, ada yang berjalan kaki dari stesen kereta api. Di satu sudut, seorang guru muda dari Perak, **Cikgu Salleh**, memegang bendera kecil yang dijahit isterinya. Katanya kepada cucunya, “Masa Tunku laung ‘Merdeka!’ hati atok bergetar. Ada orang menangis, ada yang peluk orang tak kenal. Melayu, Cina, India dan semuanya bersatu.” Seorang remaja perempuan, Lim Mei Hua, pula meminjam kamera kotak milik ayahnya dan berjaya merakam tiga gambar sebelum filem habis dan salah satunya gambar Tunku mengangkat tangan. Gambar itu tersimpan rapi selama puluhan tahun sebelum diwarisi cucunya.

Bagi mereka di luar Kuala Lumpur, mendengar pengisytiharan kemerdekaan melalui radio pun sudah cukup membuat hati bergetar. **Pak Imam Ahmad** di sebuah kampung di Kedah mengimbau: “Kami berkumpul di balai raya, letak radio di tengah. Bila dengar ‘Merdeka!’, semua bangun, tepuk tangan, ada yang bertakbir. Rasa macam mimpi.” Itulah hari di mana seluruh rakyat merasakan perkara yang sama di mana kita akhirnya menjadi tuan di tanah sendiri.

Merdeka 1957 – Merdeka 2025

Kini, 68 tahun sudah berlalu sejak detik bersejarah itu. Generasi yang menyaksikannya semakin berusia, dan tugas memelihara erti kemerdekaan kini berada di tangan kita. Jika dahulu merdeka bermaksud bebas daripada penjajahan, hari ini ia bermakna bebas daripada kemiskinan, perpecahan, kejahilan, dan ketidakadilan. Merdeka 2025 mengajak kita menghidupkan semula semangat 1957 iaitu semangat perpaduan, hormat-menghormati, dan keberanian membuat perubahan demi masa depan negara. Jalur Gemilang boleh kita kibarkan setiap Ogos, tetapi semangat merdeka mesti kita kibar setiap hari dalam hati, tindakan, dan pilihan kita sebagai rakyat Malaysia.



Mercu Tanda Malaysia: Menara Merdeka 118

Pengenalan

Di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur, tersergam megah deretan bangunan pencakar langit yang menjadi mercu tanda kebanggaan negara. Jika dahulu, Malaysia berbangga dengan Menara Kuala Lumpur, Menara Berkembar Petronas setinggi 88 tingkat, dan Menara Signature TRX yang mempunyai 106 tingkat. Namun kini, Menara Merdeka 118 yang turut dikenali sebagai Warisan Merdeka, KL 118, atau PNB 118 yang mempunyai 118 tingkat telah mengungguli semua bangunan tersebut sebagai menara tertinggi di Malaysia. Terletak strategik di antara Jalan Maharajalela dan Jalan Hang Jebat, di jantung ibu kota, menara ini menjadi simbol kemajuan serta aspirasi negara menuju masa depan yang lebih gemilang. Projek ini secara rasmi dicadangkan dan dibangunkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan kos pembinaan dianggarkan sebanyak RM5 bilion. Kerja-kerja pembinaan bermula pada tahun 2014 dan berjaya disiapkan pada tahun 2023, menjadikannya satu lagi ikon kebanggaan Malaysia di persada dunia.


Fakta Tentang Menara Merdeka 118

Reka bentuk menara ini diinspirasi daripada imej ikonik pengisytiharan kemerdekaan oleh Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang mengangkat tangan ketika melaungkan 'Merdeka'.



Nombor 118 di dalam nama Merdeka 118 melambangkan jumlah tingkat yang akan ada di menara tersebut. Pemilihan angka 118 sebagai bilangan tingkat Menara Merdeka 118 bukanlah satu kebetulan. Bilangan tingkat ini dipilih untuk memberi impak global dan menjadikan Malaysia dikenali sebagai negara yang mampu membina megastruktur bertaraf antarabangsa.

- # Sehingga tahun 2025 menara ini telah dicatatkan sebagai bangunan tertinggi di Malaysia dengan ketinggian 678.9 meter (2,227 kaki), mengatasi Menara Berkembar Petronas (88 tingkat). Ia juga merupakan bangunan tertinggi di Asia Tenggara dan juga bangunan kedua tertinggi di dunia selepas Burj Khalifa (828m).



- # Terletak bersebelahan Stadium Merdeka, lokasi bersejarah di mana Malaysia mengisytiharkan kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957. Justeru itu, nama "Merdeka" dipilih bagi memperingati detik bersejarah tersebut.



- # Bangunan ini direka dengan gabungan muka kaca berbentuk berlian menandakan kerencaman rakyat Malaysia. Tapak berbentuk berlian juga direka menyerupai songket Melayu. Manakala, segi tiga pelbagai saiz pada permukaannya melambangkan kepelbagaian budaya di Malaysia.
- # Ketinggian puncak menara atau spire Merdeka 118 adalah berukuran 160 meter dengan berat 1,015 tan. Berat ini adalah bersamaan dengan berat 852 buah kereta Proton Saga. Salutan bangunan ini terdiri daripada 18,144 buah panel, 114,000 meter persegi kaca, dan 1,600 tan penyemperitan bingkai tingkap.
- # Pada waktu malam, Menara Merdeka 118 akan diterangi dengan 8.4km jalur cahaya yang bergerak dari satu bucu ke bucu yang lain, menghasilkan pencahayaan unik dan futuristik yang membezakannya daripada bangunan-bangunan lain di Kuala Lumpur.
- # Mempunyai dua dek pengamatan akan menawarkan pemandangan panorama menakjubkan dari Kuala Lumpur pada ketinggian 510 dan 568 meter yang dikenali sebagai The View at 118.

BUKAN SEKADAR TANGGAL 31

Noor Azizah Mazeni & Zuraira Libasin

Setiap kali bulan Ogos menjelma, semangat patriotik mula terasa. Lagu "Tanggal 31" nyanyian Almarhum Sudirman Hj Arshad kembali berkumandang di radio dan media sosial. Sekolah, pejabat dan jalan raya dihiasi Jalur Gemilang. Tapi, sejauh mana kita benar-benar menghayati makna di sebalik Hari Kebangsaan? Adakah kemerdekaan itu sekadar cuti umum atau lebih daripada itu?

Artikel ini membawa anda menyelusuri fakta dan trivia menarik yang mungkin tidak diajar dalam buku teks. Diharap artikel ini dapat mengingatkan kita bahawa kemerdekaan bukan sekadar simbolik, tetapi sebuah kisah perjuangan, kebijaksanaan, dan identiti bangsa. Berikut adalah trivia menarik tentang kemerdekaan Malaysia.

1. Laungan "Merdeka!" yang Bergema 7 Kali
Pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka, Tunku Abdul Rahman dengan penuh semangat melaungkan perkataan "Merdeka!" sebanyak tujuh kali di hadapan lebih 20,000 rakyat. Ia bukan sekadar laungan biasa, tapi satu simbol kebebasan dan maruah setelah sekian lama dijajah (Ooi, 2004).

2. Bendera Direka oleh Anak Muda Johor
Tahukah anda, Mohamed Hamzah, seorang arkitek muda dari Jabatan Kerja Raya Johor, adalah pencipta reka bentuk bendera Malaysia. Beliau baru berusia 29 tahun ketika hasil rekaannya dipilih dalam pertandingan rasmi. Menariknya, beliau hanya menerima RM500 sebagai hadiah (The Star, 2007).



3. Lagu Negaraku Bukan Lagu Asal

Irama lagu kebangsaan “Negaraku” sebenarnya berasal dari lagu negeri Perak yang bertajuk “Terang Bulan”, yang ketika itu popular di kalangan rakyat. Ia kemudian diubahsuai dan dijadikan lagu rasmi negara (Kassim, 2003).

4. Jalur Gemilang Bukan Nama Asal

Bendera Malaysia yang kita kenali hari ini hanya diberikan nama rasmi “Jalur Gemilang” pada tahun 1997, iaitu sempena ulang tahun kemerdekaan ke-40. Sebelum itu, ia dikenali hanya sebagai “Bendera Malaysia” (Information Department of Malaysia, 2015).

5. Merdeka Diumumkan Sebelum 1957

Menariknya, perjanjian kemerdekaan telah ditandatangani lebih awal pada 8 Februari 1956 di Lancaster House, London. Namun tarikh rasmi kemerdekaan ditetapkan sebagai 31 Ogos 1957 (Mohd, 2017).

6. Bunga Raya Simbol Rakyat

Pada tahun 1960, bunga raya (*Hibiscus rosa-sinensis*) dipilih sebagai bunga kebangsaan kerana warnanya yang terang dan kelopaknya yang lima melambangkan lima prinsip Rukun Negara (Department of Information Malaysia, n.d.).

7. Siaran Langsung Pertama RTM

Tahukah anda, siaran langsung pertama Radio Malaya (kini RTM) adalah pengumuman kemerdekaan pada pagi 31 Ogos 1957. Ia menjadi titik penting dalam sejarah penyiaran negara (RTM, 2007).

8. Negara Pertama Ucap Tahniah

Selepas pengisytiharan kemerdekaan, India merupakan negara pertama yang mengiktiraf dan mengucapkan tahniah kepada Tanah Melayu, diikuti oleh Pakistan dan Indonesia (Milne & Mauzy, 1980).

Kemerdekaan bukan sekadar sambutan tahunan. Ia adalah kisah panjang tentang harga sebuah kebebasan, nilai perpaduan, dan pengorbanan generasi terdahulu. Semoga dengan mengetahui fakta-fakta ini, semangat kita sebagai rakyat Malaysia bukan sahaja timbul ketika Ogos, tetapi sepanjang masa.

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan!

Rujukan:

Department of Information Malaysia. (n.d.). National flower: *Hibiscus rosa-sinensis*. <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/139>

Department of Information Malaysia. (2015). Jalur Gemilang - National flag. <https://www.penerangan.gov.my>

Kassim, R. (2003). Lagu Negaraku: Sejarah dan evolusi. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Milne, R. S., & Mauzy, D. K. (1980). Politics and government in Malaysia. Hurst & Company.

Mohd, K. A. (2017). Sejarah Malaysia moden. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ooi, K. G. (2004). Merdeka!: The road to independence of Malaya, 1945-1957. Marshall Cavendish Editions.

Radio Televisyen Malaysia. (2007). 50 tahun RTM dan kemerdekaan. Jabatan Penyiaran Malaysia.

The Star. (2007, August 26). Flag designer gets due recognition at last. The Star. <https://www.thestar.com.my>

PERKATAAN MERDEKA, SEBUTAN FONETIK, DAN TARIKH KEMERDEKAAN 31 NEGARA

Oleh: Elly Johana binti Johan

KOD NEGARA	NEGARA	EJAAN	SEBUTAN FONETIK	TARIKH KEMERDEKAAN
MY	Malaysia	Kemerdekaan	ke-mer-de-ka-an	31 Ogos 1957
ID	Indonesia	Kemerdekaan	ke-mer-de-ka-an	17 Ogos 1945
JP	Jepun	独立 (dokuritsu)	doh-koo-ree-tsu	Tidak dijajah rasmi
KR	Korea Selatan	독립 (dongnip)	dong-nip	15 Ogos 1945
CN	China	独立 (dúli)	doo-lee	1 Okt 1949
IN	India	आज़ादी (āzādī)	aa-zaa-dee	15 Ogos 1947
PK	Pakistan	آزادی (āzādī)	aa-zaa-dee	14 Ogos 1947
IR	Iran	استقلال (esteqlāl)	es-teq-laal	1 April 1979
SA	Arab Saudi	استقلال (istiqlāl)	is-tiq-laal	23 Sept 1932
TR	Turki	Bağımsızlık	ba-uhm-suhz-luhk	29 Okt 1923
RU	Rusia	независимость	nye-za-vee-seem-ost'	12 Jun 1990
FR	Perancis	Indépendance	an-dai-pan-s	Tidak dijajah
DE	Jerman	Unabhängigkeit	oo-nab-heng-ik-kite	3 Okt 1990
ES	Spanyol	Independencia	een-de-pen-den-thia	Tidak dijajah
IT	Itali	Indipendenza	in-dee-pen-den-tsa	17 Mac 1861
GR	Greece	ανεξαρτησία	a-ne-xar-ti-sía	25 Mac 1821
US	Amerika Syarikat	Independence	in-de-pen-dens	4 Julai 1776
BR	Brazil	Independência	een-de-pen-den-see-ah	7 Sept 1822
AR	Argentina	Independencia	een-de-pen-den-thia	9 Julai 1816
MX	Mexico	Independencia	een-de-pen-den-thia	16 Sept 1810
CA	Kanada	Independence	in-de-pen-dens	1 Julai 1867
GB	United Kingdom	Independence	in-de-pen-dens	Tidak dijajah
PH	Filipina	Kalayaan	ka-la-ya-an	12 Jun 1898
TH	Thailand	อิสระภาพ (itsarapap)	it-sa-ra-pap	Tidak dijajah
VN	Vietnam	Độc lập	dok-lap	2 Sept 1945
ZA	Afrika Selatan	Uhuru (Swahili)	oo-hoo-roo	31 Mei 1961
NG	Nigeria	'Yancin kai	yan-chin kai	1 Okt 1960
EG	Mesir	استقلال (istiqlāl)	is-tiq-laal	28 Feb 1922
MA	Maghribi	استقلال (istiqlāl)	is-tiq-laal	2 Mac 1956
KE	Kenya	Uhuru	oo-hoo-roo	12 Dis 1963
AU	Australia	Independence	in-de-pen-dens	1 Jan 1901

Rujukan:

Wikipedia. (2025, 14 Ogos). Senarai hari kemerdekaan negara.

Diperoleh daripada:

https://ms.wikipedia.org/wiki/Senarai_hari_kemerdekaan_negara




PESISIR BAKTI

Wan Nur Syaziyani

Sebaik saja terdengar suara azan dari surau, aku pun terbangun dari tidurku dan menunaikan solat subuh. Usai solat subuh hati terasa lega persis selesai membayar hutang. Seperti di pagi minggu biasanya aku akan pergi ke pantai untuk mengambil ikan yang ayah jaring semalam di laut lepas. Tidak berlama-lama selepas meneguk secawan kopi pekat, aku mengatur langkah keluar rumah menuju ke bibir pantai. Angin yang berhembus sepoi-sepoi menggoyangkan pohon-pohon kelapa tumbuh berderet rapi, burung-burung laut berkicau riang, bebas terbang di langit biru. Matahari mula memunculkan diri, cahaya lembut di pagi hari mewarnai lautan yang luas saujana mata memandang. Suara ombak berdesir sopan menyentuh pasir di gigi pantai. Setiap hari aku tidak pernah jemu menatap dan mendengar suasana alam yang indah ini. Membuatkan aku semakin jatuh cinta dengan negeriku yang begitu aman dan indah ini.

Dari kejauhan sudah terhidang lukisan alam di atas kanvas Illahi dengan air laut yang jernih dan pasir berwarna putih. Aku menghampiri ayah di atas dermaga kayu yang sederhana luasnya, terus aku capai sekarung ikan tongkol segar dari tangan ayah. Aku pun bergegas pulang agar ikan-ikan tongkol tangkapan ayah tidak terlambat untuk dijual di pasar tani di pekan. Setelah mengisi ikan-ikan ke dalam bakul, aku menuju pekan dengan motosikal roda tigaku. Di sepanjang jalan kelihatan bendera-bendera berjalur merah putih berkibar megah di hadapan rumah penduduk, petanda warga Malaysia akan menyambut hari ulang tahun kemerdekaan tidak lama lagi. Cantik pula kelihatannya suasana kampung dengan deretan bendera yang berkibar di kiri kanan jalan. Perasaan bangga menjadi rakyat Malaysia tiba-tiba datang menjentik lembut hatiku. Dengan senyuman terukir di sepanjang perjalanan, sedar-sedar aku sudah sampai di pasar pagi. Pak Ali yang sudah siap dengan bakul-bakul ikan melambai-lambai aku.



"Assalamualaikum Pak Ali," aku menghulurkan ikan tongkol kepada Pak Ali.

"Wa'alaikumusalam Rul," balas Pak Ali. Aku menyorot wajah hening Pak Ali, penjual ikan yang sudah berbelas tahun berjualan ikan basah segar di pasar itu. Orangnya penyabar, tutur katanya berlapik, jiran terdekat kami, rakan seperjuangan ayahku dalam tentera darat.

Setelah kedua-duanya pencen dari tentera, mereka tekad pulang ke kampung, mencari rezeki dengan hasil laut pula. Tidak pernah menyesal berbakti di lautan luas, rezeki ada di mana-mana. Walau susah macam mana pun mereka tetap rajin berusaha mencari nafkah untuk keluarga.

Sulitnya ekonomi di daerah pesisir pantai mengharuskan kaum wanita dan anak-anak bekerja membantu keluarga. Pekerjaan yang biasa dilakukan suri rumah dan anak-anak ialah menjemur ikan masin, mengumpul rumpai laut. Ada juga yang membuat keropok ikan. Aku suka mengumpul cangkerang dan kulit-kulit kerang yang cantik-cantik, sudah penuh satu bakul kecil, aku jual di kedai-kedai aksesori hiasan rumah. Dapatlah aku menambah pendapatan tanpa meminta-minta dengan ayah atau emak. Mereka pandai membuat pelbagai barangan cenderahati yang cantik-cantik.

Negeri ini memang mempunyai sejuta kekayaan alam dan keindahan yang memukau. Namun disebalik kemakmuran ini, tidak sedikit kapal-kapal asing masuk mencerooboh ke perairan tempat tinggal khasnya dan di perairan negara amnya. Mereka masuk untuk menangkap ikan dengan cara yang tidak berhemah. Mereka menggunakan pukot harimau supaya semua ikan tidak kira besar atau kecil terperangkap ke dalam pukot itu. Sedangkan cara begini akan merosakkan terumbu karang dan ekosistem laut. Ikan-ikan kecil turut menjadi mangsa. Terdetik di hatiku untuk bersuara di dalam mesyuarat kampung dengan membuat aduan mengenai kapal-kapal nelayan negara




asing ini. Suatu hari nanti kami anak-anak nelayan akan menjadi penerus pencari rezeki di laut, kami akan membina negara dengan kerjasama yang lebih padu demi kesejahteraan negara.

Selepas SPM aku masuk universiti, tinggalah ayah sendirian meredah laut memukat hasil laut. Emak dan adik perempuanku yang masih di sekolah rendah berjemur di tengah panas bersama-sama dengan ikan dan sotong. Pak Ali terpaksa memungut hasil laut dari rumah kami menggantikan tempat aku yang setiap awal pagi menghantar ikan ke pasar. Pak Ali orang baik, terima kasih Allah kerana telah kurniakan jiran sebaik Pak Ali.

Pada hari aku bertolak ke UiTM, hanya ayah yang menemaniku. Emak sudah batuk-batuk, nampak sangat wajah emak semakin penat, pucat dan tiada seri. Tetapi emak cuba sembunyikan sakitnya.

"Mak bangga dengan kamu Rul. Semoga anak emak yang kental ini dapat mengubah nasib keluarga kita." Seketika aku terasa pipiku dibasahi air mata, sayu yang amat.



"Semoga doa mak dimakbulkan Allah. Rul sayang mak, sayang ayah, sayang adik." Sampai di situ saja kata-kataku, dada sebak tidak terperi. Ayah sudah menunggu di dalam kereta sewa. Aku bersalam dan mencium pipi emak, dahi emak aku kucup lama-lama, kedut-kedut sudah nampak. Aku peluk emak seperti tidak mahu lepas. Adik datang memelukku, dia menangis.

"Adik jaga mak ya, jangan bagi mak buat kerja banyak, nanti mak penat," adik menganggu tanda faham.

Semester pertama aku cemerlang, semester kedua aku kecundang dua 'papers'. Aku murung selepas emak pergi buat selama-lamanya. Aku jadi malas belajar, malas ke kuliah, malas 'join study group.' Aku hanya nampak emak, aku hanya ingat pesan emak. Seinggalah ayah menjengokku di kolej. Menangis ayah melihat ketrampilanku yang sangat selekeh tidak terurus. Aku seperti bingung memandang langit di luar tingkap.

"Rul sayang emak tak?" Aku menganggu. Suara ayah seperti berbisik.

"Rul ingat pesan emak?" Spontan aku menangis tersedu-sedu seperti anak kecil. Ayah memelukku erat, ada air mata jatuh ke bahu. Kami berhiba mengenang seorang insan yang terbaik bagi kami.

"Emak pesan apa, Rul?" Aku merungkai pelukan ayah, mata kami bertembung. Aku membungkam lama. Cuba menyusun jawapan terbaik. Ayah sabar menunggu. Ada sayu di matanya.

"Emak pesan...jangan membuang masa, belajar rajin-rajin, dapat keputusan terbaik. Masa depan keluarga bergantung pada skrol yang akan Rul galas. Mudah-mudahan kejayaan Rul akan mengubah nasib keluarga kita." Aku tunduk. Tuala kecilku sudah basah dengan air mata. Ayah menepuk bahu.

"Ayah setuju dengan emak. Biarlah kita merdeka daripada kemiskinan. Duit pencen ayah hanya cukup-cukup makan saja."

Aku masih ingat kibaran bendera di kampungku di pagi itu. Aku bangga menjadi anak watan di negeri tercinta. Setiap kali diadakan sambutan ulang tahun kemerdekaan, aku lah orang pertama duduk menghadap televisyen menonton siaran langsung sambutan hari merdeka.

Semester akhir telah berakhir. Aku kembali cemerlang. Ayah dan adik hadir pada hari konvokesyenku. Di wajah ayah terserlah kebanggaannya atas kejayaanku.

Sudah satu tahun aku bertugas sebagai pegawai perikanan, ofis aku tidak jauh daripada kampungku. Tugasku boleh dikatakan mencabar juga. Perairan pantai negara sudah tiada nelayan asing yang mencerooboh masuk, hasil tangkapan laut telah bertambah buat para nelayan tempatan. Aku dan para pegawai perikanan negeri telah bekerjasama dengan polis maritim mengawal sempadan lautan negara. Lanun-lanun yang sebelum ini mengancam para nelayan tempatan dengan merompak hasil laut, menculik anak-anak kapal kian berkurangan.

Dermaga kayu telah diganti dengan besi dan lantainya disimen. Tidak lagi sempit, para nelayan sudah boleh meletak bakul-bakul ikan ikut nama yang ditampal di palang bumbung. Tiada lagi 'orang tengah' dalam urusan jual beli hasil laut. Pakcik-pakcik nelayan menjual hasil tangkapan secara terus kepada para pelanggan. Dengan cara itu pembeli mendapat harga lebih murah sebab penjual tidak perlu keluarkan komisyen bayaran untuk tukang jual.





Selain berbakti kepada penduduk kampung, aku tidak lupa membalas jasa-jasa ayah dan Pak Ali. Aku merdekakan mereka daripada kemiskinan. Aku bina semula rumah ayah. Nah... tersergam cantik sebuah rumah banglo di pinggir laut. Aku mohon pada ayah supaya tinggalkan kerja ke laut. Mulanya ayah membantah sebab kerja nelayan telah sebatih dengan jiwanya. Tetapi berkat aku hari-hari memujuknya, ayah akhirnya akur.

"Rul nak bangunkan kedai runcit untuk ayah." Ayah memandang tepat ke mataku. Ada semacam rasa tidak percaya di wajah ayah.

"Betul ayah. Ada bank yang membuat peruntukan pinjaman perniagaan untuk anak watan. In syaa Allah ayah, kita akan berjaya memajukan diri, dengan syarat kita mesti gigih berusaha dan tidak menggunakan wang pinjaman dengan sewenangnyanya." Ayah tunduk. Aku tahu ayah menangis bahagia.

Sekarang aku telah merdekakan keluargaku dari kemiskinan. Rezeki yang datang akan aku jaga. Terima kasih Allah. Petang itu langit membiru tiada awan. Air laut menghempas pantai. Semilir menyapaku tatkala aku sedang termenung. Berkat negara merdeka rakyat pun berjiwa merdeka. Nun di tengah laut perahu-perahu nelayan kian jauh ke tengah. Doaku semoga ada lagi anak-anak nelayan yang akan membela nasib keluarga mereka.

"Mak...pesan mak telah Rul tunaikan." Dan rindu aku hanya buat Emak.



MY CANCER

JOURNEY

PERJALANAN HIDUP SEORANG PEJUANG

Wan Anisha Wan Mohammad

Ini bukan kisah rekaan. Ini kisah aku. Seorang wanita biasa. Seorang isteri. Seorang ibu. Seorang pendidik. Dan kini... seorang pejuang.

Sejak kecil, aku memang jenis yang mudah jatuh sakit. Masalah biasa, gastrik, GERD, dan kini sakit lutut, tapi cukup untuk buat aku sering risau dan overthinking. Namun aku tetap bersyukur kerana masih mampu menjalani kehidupan dengan baik. Tapi semua berubah pada **27 April 2024**.



Pagi itu, aku sibuk sebagai AJK program larian anjuran JSKM di UiTM. Balik ke rumah, aku gembira, sibuk upload gambar program ke media sosial. Tapi malam itu, saat aku hendak tidur, aku terasa sesuatu di payudara kanan. Ada ketulan. Kecil, lebih kurang sebesar kacang merah... tapi cukup untuk buat aku tak tidur semalaman.

Keesokan paginya, aku hubungi sahabat baikku, Azimah. Aku menangis. Aku takut. Tapi dalam masa yang sama, aku cuba pujuk diri, mungkin ini normal sebab aku juga baru datang haid pagi itu. Tapi seminggu berlalu, haid dah habis, ketulan itu masih ada.



Pada **6 Mei 2024**, aku ke KPJ. Tiada pakar payudara di situ, jadi aku dirujuk kepada Dr. Muna, pakar sakit puan. Ultrasound dilakukan, dan keputusannya sangat menggerunkan: **"99% Highly Suspicious of Cancer."**

Aku terus dirujuk ke Dr. Wan Najmi. Keesokan harinya, biopsy needle dilakukan. Dr terangkan, jika keputusan positif, aku perlu dibedah. Jika negatif pun, ketulan tetap perlu dibuang untuk pengesahan lanjut.

Alhamdulillah, biopsy pertama negatif. Tapi ketulan tetap perlu dibuang. Pada **14 Mei 2024**, aku jalani pembedahan membuang ketulan bersaiz 2.5 cm di payudara kanan. Selepas itu, aku terus bekerja, mengajar secara online walaupun masih dalam cuti sakit.

Hari berganti. Debaran menanti keputusan biopsy kedua semakin menghimpit jiwa. Hati aku tidak tenang. Tapi aku terus berzikir, membaca Selawat Tafrijiyah berulang kali, hingga aku hafal. Aku hanya berserah kepada Allah SWT. Keluarga dan kawan-kawan sentiasa memberi sokongan.

27 Mei 2024. Hari anak sulungku mendapat keputusan SPM. Tapi hatiku lebih berdebar menunggu keputusan biopsy. Jam 8.30 pagi, panggilan dari KPJ mengesahkan segalanya: **"Puan, result positif. It's cancer."**



Dunia terasa berhenti seketika. Aku peluk suami dan menangis sepuasnya. Tapi aku tahu, aku perlu kuat.

Selepas berbincang dengan doktor, aku jalani pembedahan kedua pada **28 Mei 2024**, untuk membuang kelenjar limfa di bawah ketiak. **Sebanyak 25 kelenjar dibuang.** Kesan pembedahan kali ini lebih menyakitkan. Tiub perlu dipasang untuk mengeluarkan air bisa. Walaupun sakit, aku tetap mengajar secara online, demi tanggungjawab dan semangat.

"Kanser Payudara Tahap 2A. Hormon Positif. HER2 Negatif."

Jenis yang paling biasa dan paling mudah dirawat. Berita yang menakutkan tapi dalam masa yang sama memberi harapan. Tiada sel kanser dikesan dalam kelenjar limfa. Itu satu kelegaan besar. Namun perjalanan masih panjang. Aku dirujuk ke pakar onkologi untuk rawatan susulan.

Aku kemudian berjumpa pakar onkologi, Dr Cheah di Sunway Medical Center. Beliau sarankan ketulan dihantar ke Amerika Syarikat untuk ujian Oncotype DX, untuk tentukan sama ada aku perlu jalani **kemoterapi**. Kosnya RM24K. Alhamdulillah, semuanya ditanggung insurans.

Sementara menunggu keputusan, aku jalani **20 sesi radioterapi** dari **16 Julai hingga 9 Ogos 2024**. Rawatan berjalan lancar. Tiada sakit serius, cuma kesan gelap sedikit di kulit yang perlahan-lahan hilang.

Beberapa minggu kemudian, keputusan Oncotype menyarankan aku perlu menjalani kemoterapi, walaupun cuma 4 kali rawatan sahaja. Usia menjadi faktor utama.

22 Ogos 2024, rawatan kemoterapi bermula. Aku takut. Aku menangis. Tapi aku kuatkan hati. Aku minum air Zamzam, amalkan makanan seimbang, dan hanya minum air BubbleO sepanjang rawatan. Alhamdulillah, aku sihat sepanjang rawatan. Kesan terbesar? **Rambut gugur.**

Tepat dua minggu selepas rawatan pertama, rambut mula gugur seperi tiada akar. Suamiku akhirnya mencukur rambutku di rumah. Aku simpan tangis di hati. Aku tetap pakai skaf di rumah, supaya anak-anak tidak melihat aku dalam keadaan itu.

Namun, aku teruskan hidup seperti biasa. Aku tetap bekerja, tetap mengajar. Selepas setiap rawatan, aku cuma ambil cuti sakit lima hari.

23 Oktober 2024 – rawatan terakhir kemoterapi.

Aku **menang**. Aku **bertahan**. Aku **kembali**.

Setahun lebih telah berlalu. Kini, rambutku sudah mula tumbuh. Kesihatan aku semakin baik, walaupun ada rasa sakit di tempat pembedahan. Aku masih perlu makan ubat hormon **Tamoxifen** setiap hari selama 5 tahun untuk pastikan kanser tidak kembali.

Tapi aku bersyukur.

Aku masih di sini.

Masih bernyawa.

Masih sihat.

Temujanji berkala masih diteruskan untuk pemantauan. Aku terus berdoa agar Allah memberi kesembuhan sepenuhnya dan aku dijauhkan dari penyakit ini.

🌸 Jangan Pernah Putus Harapan

Kepada sesiapa yang sedang berjuang, sama ada melawan kanser atau apa jua ujian hidup, **jangan pernah putus harapan**. Sakit itu bukan penghujung hidup. Kadang-kadang, ia adalah permulaan kepada sebuah kekuatan baru.

Aku tak kuat sendirian. Tapi aku dikelilingi cinta, dari suami, anak-anak, keluarga dan sahabat. Mereka sumber kekuatanku. Mereka juga sebahagian dari kemenangan ini.

Terima kasih buat semua...doktor, petugas dan nurse di KPJ Hospital Penang dan Sunway Medical Center Penang, keluarga dan sahabat handai yang tidak putus berdoa dan memberi kata semangat buat diriku untuk terus berjuang dan melawan penyakit ini.

Dan yang paling utama, aku yakin Allah tidak akan membebani hambaNya melainkan dengan apa yang dia mampu.

Jika anda sedang membaca ini dan sedang berjuang seperti aku... ketahuilah bahawa anda tidak bersendirian. Jangan malu untuk menangis, tapi jangan biarkan air mata menghalang semangatmu untuk terus melawan dan berjuang!

Semoga Allah beri kesembuhan dan kekuatan buat kita semua. ❤️



Bendera berkibar megah di langit tinggi,
Merah putih biru kuning lambang harmoni,
Simbol perjuangan dan harga diri,
Tanda merdeka yang kita warisi.

31 Ogos 1957,
Detik keramat dalam lipatan zaman,
Teriakan merdeka dari dada pejuang,
Gema kebebasan menggoncang sempadan.

Tatkala Tunku mengangkat tangan,
"Laungan Merdeka!" tujuh kali dilaungkan,
Air mata rakyat jatuh berderai,
Bahagia menyapa, penjajahan usai.

Tanah airku kini bebas merdeka,
Tiada lagi jajahan yang menindas jiwa,
Darah dan keringat mengalir bersama,
Untuk sebuah negara yang mulia.

Bangsaku bersatu, teguh tak tergoyah,
Bersama menuntut bela dengan maruah,
Tiada senjata, tiada keganasan,
Cuma doa, semangat, dan ketulusan.

Tunku Abdul Rahman, Bapa Kemerdekaan,
Dengan hikmah, sabar dan keteguhan,
Memimpin rakyat tanpa gentar,
Menyatukan hati dari desa ke bandar.

Tokoh pejuang tak dilupa,
Tok Janggut, Mat Kilau, dan Dato Bahaman,
Menentang penjajah demi bangsa,
Warisan keberanian berpanjangan zaman.

Tekad dan cita jadi nyala api,
Membakar semangat setiap hati,
Tuhan Yang Satu kami sembah tinggi,
Menjadi pelindung, menjadi saksi.

Teguh di dada iman membara,
Tidak gentar meski diuji derita,
Islam dijunjung, dihormati semua,
Dari bumi hingga ke hujung dunia.

Semoga tanah air kekal merdeka,
Jiwa dan raga terus setia,
Tidak goyah meski diuji sengsara,
Kerana cinta ini bukan berpura.

Biar kita bersatu di dunia fana,
Dan bertemu di akhirat sana,
Di bawah lindungan kasih-Nya jua,
Demi agama, nusa, dan bangsa tercinta.

Arifah Fasha binti Rosmani

“**Tanah Airku
Merdeka**”

SAJAK KEMERDEKAAN ALAF BARU MADANI 2025

Mohd Fahmi Zahari

Di ufuk pagi alaf baharu,
matahari bangkit membawa janji,
bumi merdeka ini terus bernafas,
dengan doa nenek moyang,
dengan keringat pejuang silam.


Kini, kita berdiri di pentas global,
bukan lagi dengan senjata di tangan, tetapi
dengan ilmu, inovasi,
dan tekad membara di jiwa muda.

Anak watan,
tatkala layar digital terbentang,
jadilah peneroka ilmu, pencipta harapan,
agar Merdeka ini terus hidup,
bukan hanya pada bendera yang berkibar,
tetapi pada jiwa yang menolak putus asa.

Merdeka itu minda rakyat,
yang menolak perpecahan,
menyulam persaudaraan,
di bawah satu langit Malaysia Madani.

Merdeka 2025,
adalah janji kita pada esok,
bahawa tanah air ini bukan sekadar warisan,
tetapi amanah untuk terus dijaga,
dengan cinta, dengan keberanian,
hingga seribu tahun mendatang.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!



Uji Tahap Pengetahuan Anda Tentang

MALAYSIA

Oleh: Ts. Jamal Othman

AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU
OGOS 2025					1 Tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu	2 Perdana Menteri Malaysia yang pertama.
3 Tempat pengisytiharan kemerdekaan.	4 Laungan yang dilaungkan sebanyak tujuh kali semasa pengisytiharan kemerdekaan.	5 Lagu kebangsaan Malaysia.	6 Negara yang memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu.	7 Tema Hari Kebangsaan Malaysia tahun 1957.	8 Tarikh sambutan Hari Malaysia.	9 Malaysia dibentuk pada tahun ...
10 Warna-warna pada Jalur Gemilang.	11 Jumlah jalur pada Jalur Gemilang	12 Nama Perjanjian untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.	13 Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia pada tahun ...	14 Tokoh Wanita pejuang kemerdekaan	15 Singapura keluar dari Gagasan Malaysia pada tahun ...	16 Maksud bintang 14 penjuru pada bendera Malaysia
17 Yang di-Pertuan Agong pertama Malaysia.	18 Nama dokumen yang menyatakan secara rasmi kemerdekaan	19 Tun Abdul Razak merupakan Perdana Menteri Malaysia	20 Bendera Union Jack diturunkan pada	21 Pada tahun 1511, Melaka ditawan oleh	22 Peristiwa berdarah 13 Mei berlaku pada tahun ...	23 Rukun Negara yang keempat adalah ...
24 Individu yang bangkit menentang penjajah adalah seperti ...	25 Jepun menyerah kalah pada tahun 1945 kerana ...	26 Pernah menjawat jawatan Perdana Menteri sebanyak 2 kali.	27 Penubuhan Malayan Union oleh British menimbulkan ketidakpuasan di kalangan orang Melayu kerana...	28 Bunga kebangsaan Malaysia.	29 Nama suruhanjaya bagi meninjau pandangan & sokongan rakyat Borneo untuk kemasukan ke dalam Malaysia.	30 Bapa Pembangunan Malaysia adalah ...
31 Nama yang digunakan sebelum wujudnya nama Malaysia.	Jawapan : 1. 31 Ogos 1957 2. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj 3. Stadium Merdeka 4. Merdeka! 5. Negaraku 6. British 7. Perpaduan 8. 16 Sept 9. 1963 10. Biru, Merah, Kuning dan Hijau 11. 14 jalur 12. Perjanjian London 13. 1963 14. Shamsiah Pakeh/Aishah Ghani 15. 1965 16. Jumlah 13 negeri dan Wilayah Persekutuan 17. Tuanku Abdul Rahman 18. Deklarasi Kemerdekaan 19. Kedua 20. 30 Ogos 1957 21. Portugis 22. 1969 23. Kedaulatan Undang-undang 24. Dol Said, Tok Janggut, Datuk Bahaman, Rentap, Datuk Maharajalela, Rosli Dhoby 25. Pengeboman bom atom di Nagasaki dan Hiroshima 26. Tun Dr Mahathir Mohamad 27. Menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu dan penghapusan Institusi DiRaja 28. Bunga Raya 29. Cobbold 30. Tun Abdul Razak 31. Persekutuan Tanah Melayu					

AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU
SEPTEMBER 2025	1 Bapa Perpaduan Malaysia adalah ...	2 Jalur Gemilang dicipta oleh seorang arkitek dari Johor iaitu ...	3 Irama muzik lagu NegaraKu sebenarnya diambil dari lagu negeri ...	4 Pada 1 Jan 1982 Tun Dr Mahathir telah membuat perubahan jam untuk kali yang	5 Semasa Penjajahan British, Negeri-negeri Selat adalah ...	6 Ringgit Malaysia digunakan secara rasmi pada tahun ...
7 Kerajaan tertua di Malaysia adalah ...	8 Agama Islam di Malaysia berpegang kepada Mazhab ...	9 Tunku Abdul Rahman telah mendapatkan pandangan dari tokoh berikut untuk mencadangkan tarikh kemerdekaan.	10 Malaysia mengamalkan sistem berpelembagaan.	11 Rukun Negara diisytiharkan pada ...	12 Pada tahun bilakah hari kemerdekaan sama dengan hari raya Pertama Aidil Fitri?	13 Perayaan yang disambut oleh suku kaum di Sarawak.
14 Tarikh Perdana Menteri ke 5, Tun Abdullah Ahmad Badawi meninggal dunia?	15 Imigran Cina dan India dibawa masuk oleh British untuk bekerja di ladang getah dan di	16 Siapakah yang melaungkan azan sebaik sahaja selepas lagu Negara Ku pada hari kemerdekaan, 31 Ogos 1957?	17 Pokok Kebangsaan Malaysia adalah ...	18 Tema Kemerdekaan tahun 2024.	19 Tarikh rasmi kemerdekaan Malaysia telah diumumkan pada 20 Feb 1956 di ...	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30	Jawapan : 1. Tun Hussein Onn 2. Mohamed bin Hamzah 3. Perak 4. Kelantan 5. Penang, Melaka dan Singapura 6. 1975 7. Kerajaan Kedah Tua 8. Shafi'e 9. Syekh Abdullah Fahim 10. Demokrasi 11. 31 Ogos 1970 12. 2011 13. Gawai 14. 14 Apr 2025 15. Lombong bijih timah 16. Hassan Azhari 17. Pokok Merbau 18. Malaysia Madani : Jiwa Merdeka 19. Padang Bandar Hilir, Melaka			





الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077

